



08 OCT, 2019

Lebih 24.000 hilang kerja

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

Lebih 24.000 hilang kerja

■ KUALA LUMPUR 7 OKT.

SERAMAI 24,600 orang kehilangan pekerjaan bagi tempoh antara Januari hingga September tahun ini, di sebalik isu pengangguran dalam kalangan belia yang sudah melarat.

Maklumat itu adalah berdasarkan laporan pemberhentian oleh majikan yang diterima oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK), dengan sektor pembuatan mencatatkan kehilangan pekerjaan seramai 7,944 orang.

Menteri Sumber Manusia, M. Kula Segaran berkata, bagi berdepan cabaran tersebut, kerajaan telah melaksanakan beberapa usaha termasuk menyediakan perkhidmatan pekerjaan JobsMalaysia yang memberi kemudahan kepada pencari kerja untuk mendapatkan kerja ber-

sesuaian.

Beliau malah berkata, bagi tempoh Januari hingga Ogos tahun ini, 61,871 orang pencari kerja telah berjaya mendapat penempatan.

“Kerajaan yakin semua langkah yang telah dilaksanakan dapat membantu rakyat mendapatkan pekerjaan dan mengurangkan lagi kadar pengangguran negara,” katanya dalam sesi soal jawab sidang Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan daripada Datuk Seri Ahmad Maslan (BN-Pontian) yang mahu kementerian menyatakan peratus pengangguran dalam kalangan belia serta langkah-langkah diambil bagi memastikan jumlah pekerjaan adalah mencukupi dan sesuai dengan kelulusan serta kemahiran belia.



M. KULA SEGARAN

pi dan sesuai dengan kelulusan serta kemahiran belia.

Kula Segaran juga berkata, berdasarkan Survei Tenaga Buruh (STB) 2018, kadar pengangguran belia (15 tahun hingga 30 tahun) ialah 6.8 peratus.

Isu pengangguran serta ketiadaan peluang pekerjaan menjadi antara kecaman rakyat terhadap kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang sebelum ini dikatakan berjanji mahu menawarkan banyak peluang pekerjaan dan menyelesaikan tekanan hidup belia.



08 OCT, 2019

Lebih 24.000 hilang kerja

—
Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

- KUALA LUMPUR 7 OKT. SERAMAI 24,600 orang kehilangan pekerjaan bagi tempoh antara Januari hingga September tahun ini, di sebalik isu pengangguran dalam kalangan belia yang sudah melarat. Maklumat itu adalah berdasarkan laporan pemberhentian oleh majikan yang diterima oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK), dengan sektor pembuatan mencatatkan kehilangan pekerjaan seramai 7,944 orang. Menteri Sumber Manusia, M.